

**D.R. 30/2004**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlembagaan (Pindaan) 2004.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Pindaan Perkara 122**

**2.** Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Perkara 122 dalam proviso kepada Fasal (1A) dengan menggantikan perkataan "enam puluh lima tahun" dengan perkataan "enam puluh enam tahun".

**Pindaan Perkara 125**

**3.** Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Fasal (1) dengan menggantikan perkataan "enam puluh lima tahun" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "enam puluh enam tahun".

**Pindaan Jadual Kesembilan****4. Perlembagaan Persekutuan dipinda dalam Jadual Kesembilan—**

- (a) dalam Senarai Negeri (Senarai II) dalam butiran 6, dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, air (termasuk sungai dan terusan tetapi tidak termasuk bekalan dan perkhidmatan air); pengawalan kelodak; hak riparia.";

- (b) dalam Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak (Senarai IIA), dengan memasukkan selepas butiran 19 butiran yang berikut:

"20. Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan dan perkhidmatan air."; dan

- (c) dalam Senarai Bersama (Senarai III), dengan memasukkan selepas butiran 9c butiran yang berikut:

"9D. Tertakluk kepada Senarai Persekutuan, bekalan dan perkhidmatan air.

9E. Pemeliharaan warisan".

**Pindaan Jadual Kesepuluh****5. Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan dipinda—**

- (a) dalam Bahagian III—

(i) dalam butiran 3, dengan memasukkan selepas perkataan "yang berkaitan dengan" perkataan "bekalan dan perkhidmatan air,"; dan

- (ii) dengan menggantikan butiran 8 dengan butiran yang berikut:

"8. Terimaan berkenaan dengan air mentah."; dan

(b) dalam Bahagian V, dengan memasukkan selepas butiran 8 butiran yang berikut:

"9. Terimaan berkenaan dengan bekalan dan perkhidmatan air, termasuk kadar air.

10. Hasil daripada lesen yang berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air."

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan bagi menaikkan umur persaraan hakim daripada enam puluh lima tahun kepada enam puluh enam tahun, selaras dengan kenaikan satu tahun umur persaraan wajib pegawai awam. Dengan itu, sebutan mengenai umur enam puluh lima tahun dalam proviso kepada Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan perlu juga ditukar kepada enam puluh enam tahun sebagaimana yang dicadangkan dalam *fasal 2* Rang Undang-Undang ini.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk menjadikan bekalan dan perkhidmatan air dan pemeliharaan warisan perkara bersama.

Keperluan yang mendesak timbul bagi Kerajaan Persekutuan untuk menguruskan dan mengawal selia industri air berkenaan dengan pelesenan dan pengawal seliaan pengendali air supaya ada suatu pendekatan yang fokus dan seragam dalam segala aspek mengenainya. Bagi maksud ini, suatu badan pusat, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, akan kemudiannya ditubuhkan dan suatu undang-undang persekutuan tentang industri perkhidmatan air akan diperbuat.

Penglibatan aktif dan langsung dalam pembekalan dan pengendalian air oleh Kerajaan Persekutuan yang sejak sekian lama menyediakan pembiayaan kepada Negeri-Negeri bagi pembangunan dan penyenggaraan aset infrastruktur air masing-masing akan menghasilkan kecekapan dan keberkesanan yang lebih baik dalam industri air. Pindaan yang dicadangkan tidak akan menjejaskan kuasa sedia ada Negeri-Negeri untuk mengawal dan mengawal selia kawasan tadahan air, punca air dan lembangan sungai.

Cadangan pindaan kepada Jadual Kesembilan adalah untuk mengeluarkan butiran tentang bekalan dan perkhidmatan air daripada Senarai Negeri dan meletakkannya sebagai suatu butiran dalam Senarai Bersama. Pindaan yang dicadangkan kepada Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Negeri Sabah dan Sarawak adalah untuk menyatakan bahawa air akan terus menjadi suatu perkara Negeri bagi kedua-dua Negeri itu.

Pemeliharaan warisan juga dimasukkan sebagai satu butiran dalam Senarai Bersama supaya Kerajaan Persekutuan akan dapat memainkan peranan yang lebih luas dan berkesan dalam pemeliharaan warisan.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda Jadual Kesepuluh kepada Perlembagaan Persekutuan yang menurutnya hasil daripada lesen yang berkaitan dengan bekalan dan perkhidmatan air dan terimaan daripada tarif air daripada pelanggan tidak lagi terakru kepada Negeri-Negeri selain Sabah dan Sarawak.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. " [PN(U<sup>2</sup>)2393